



TATACARA PERMOHONAN PERAKUAN PEMATUHAN
STANDARD (PPS) BAGI BAHAN BINAAN TEMPATAN

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PRAKATA

1. PENGENALAN	1
2. OBJEKTIF	1
3. PERUNDANGAN	2
4. SENARAI BAHAN BINAAN DIKUATKUASAKAN	3
5. SINGKATAN	3
6. TAKRIF	4
7. TATACARA PERMOHONAN PERAKUANPEMATUHAN STANDARD (PPS)	5
8. SYARAT-SYARAT VERIFIKASI	13
9. YURAN	14
10. TINDAKAN TERHADAP KETIDAKPATUHAN	14
11. APPENDIX	15

PRAKATA

Selaras dengan pindaan Akta 520, buku tatacara ini diterbitkan sebagai satu panduan kepada pengeluar/pengilang bagi mendapatkan Perakuan Pematuhan Standard bagi bahan binaan tempatan yang berada di bawah Jadual Keempat Akta 520 (Pindaan 2011). Pemerakuan bahan binaan tempatan ini dilaksanakan bertujuan untuk memastikan bahan binaan tempatan yang tersenarai di dalam jadual tersebut mematuhi standard yang berkenaan (**Quality Product in Accordance to Spesified Standard (QPASS)**) serta dapat menjamin kualiti bahan binaan yang digunakan di tapak bina.

Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan semua pengeluar/ pengilang yang ingin mendapatkan Perakuan Pematuhan Standard bagi bahan binaan tempatan merujuk buku ini bagi memastikan permohonan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh CIDB dan proses pemerakuan dapat dibuat dengan lebih efisien.

1. PENGENALAN

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) adalah merupakan regulator kepada industri pembinaan negara. Peranan ini telah diperjelaskan melalui Akta 520 (Pindaan 2011) dengan memperluaskan fungsi CIDB sebagai badan penguatkuasa terhadap kualiti bahan binaan di Malaysia. Perlaksanaan pematuhan Standard Malaysia ke atas bahan binaan diperakukan dengan pengeluaran Perakuan Pematuhan Standard (PPS) oleh CIDB.

2. OBJEKTIF KAWALAN KUALITI BAHAN BINAAN

- Memastikan setiap bahan binaan yang dikuatkuasakan mencapai tahap kualiti yg baik/tinggi sebelum digunapakai dalam industri pembinaan negara.
- Memastikan bahan tidak berkualiti tidak dikeluarkan ke pasaran tempatan.
- Memastikan produk pembinaan menjamin keselamatan pengguna / pekerja binaan.
- Memastikan alam sekitar terpelihara.
- Menyokong inisiatif ke arah Pembinaan Hijau (Green Construction).
- Memastikan keseragaman penandaan (marking) pada produk binaan bagi memudahkan pengenalan kualiti kepada pengguna.
- Meningkatkan imej industri pembinaan negara.

3. PERUNDANGAN

Di dalam Akta 520 (Pindaan 2011) telah memperuntuk kuasa kepada CIDB sebagai badan penguatkuasa mengawal kualiti bahan binaan seperti seksyen berikut:

- Seksyen 2(1) mendefinisikan :
 - “bahan binaan” sebagai apa-apa jenis, saiz dan sifat bahan, permulaan, sementara, pertengahan atau siap, sama ada dikilangkan secara tempatan atau diimport yang digunakan bagi maksud industri pembinaan.
 - “berurusan” sebagai mengendalikan, menggunakan, mengilangkan, membekalkan, memasarkan, memindahkan, menjual atau membeli, sama ada secara borong atau runcit, mengimport atau mengeksport.
 - “industri pembinaan” sebagai industri yang berkaitan dengan kerja pembinaan, termasuklah rekabentuk, pengilangan, teknologi, bahan dan mutu kerja binaan dan perkhidmatan bagi maksud pembinaan
 - “pemerakuan” sebagai suatu tatacara yang dengannya Lembaga atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga memberikan jaminan bertulis bahawa sesuatu proses, amalan atau perkhidmatan mematuhi kehendak yang tertentu.
- Fungsi, Seksyen 4(1)(f) – memajukan dan menggalakkan jaminan kualiti dalam industri pembinaan;
- Fungsi, Seksyen 4(1)(g) – mengawal selia pematuhan standard bagi mutu kerja binaan dan bahan binaan.
- **Seksyen 33C(1) - ‘Lembaga hendaklah, mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga, memperakukan bahan binaan yang digunakan dalam industri pembinaan dan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat mengikut standard yang dinyatakan dalam Jadual itu.’**
- Seksyen 33C(2) - Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, meminda Jadual Keempat
- Seksyen 33C(3) - Lembaga boleh menyimpan dan menyenggara suatu Daftar mengenai butir-butir dan rekod kesemua bahan binaan yang diperakukan.
- Seksyen 33C(4) - Lembaga boleh, bagi maksud pemerakuan di bawah subseksyen (1), mengenakan syarat yang difikirkannya patut.
- Seksyen 33C(5) - Lembaga boleh menggantung, membatalkan, mengembalikan semula atau menolak pemerakuan dalam hal keadaan yang ditentukan oleh Lembaga.
- Seksyen 33D(1) - memperuntukan larangan terhadap ‘berurusan’ dengan bahan binaan yang tidak diperakukan oleh CIDB.
- Seksyen 33D(2) - memperuntukkan denda kepada pihak yang melanggar peruntukan Seksyen 33D(1) bahawa; apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

- Seksyen 35C(2a) - menggeledah dan menyita apa-apa bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.
- Seksyen 35C(2b) - mengambil sampel apa-apa bahan binaan atau benda yang dijumpai dipremis atau tapak pembinaan itu bagi maksud menentukan, dengan ujian atau selainnya sama ada kesalahan itu telah dilakukan.

4. SENARAI BAHAN BINAAN DIKUATKUASAKAN

Berikut adalah senarai kategori bahan-bahan binaan yang disenaraikan di dalam Jadual Keempat Akta 520 (Pindaan 2011) (Rujuk **Appendix A** untuk keterangan lanjut).

Bil	Kategori Bahan/ Produk
1.	Sanitary wares
2.	Glazed and unglazed ceramic tiles
3.	Ceramic pipes and pipe fittings
4.	Cement
5.	Prefabricated timber roof truss system
6.	Precast concrete piles for foundation
7.	Insulation materials
8.	Glass
9.	Fibre cement flat sheet not containing
10.	Radiant barrier (thermal insulation foil)
11.	Iron and steel products
12.	Aluminium
13.	Ready mix concrete

Nota : Senarai Jadual Keempat akan berubah dari masa ke semasa mengikut keperluan dan sesuai dengan kehendak seksyen 33C(2).

5. SINGKATAN

- a. CB Certification Body
- b. DV Desk Verifier
- c. FTTR Full Type Test Report
- d. ILAC International Laboratory Accreditation Cooperation
- e. MS Malaysian Standard
- f. PP Pegawai Pelulus
- g. PS Pegawai Pengesyor

- h. PC Product Certification
- i. PV Pegawai Verifikasi
- j. SSM Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- k. PPS Perakuan Pematuhan Standard
- l. SAMM Sijil Akreditasi Makmal Malaysia

6. TAKRIF

- a. Produk Bahan atau barangan siap atau separuh siap yang digunakan untuk kerja pembinaan yang disenaraikan dalam Jadual Keempat Akta 520 Pindaan 2011.
- b. PPS Sijil yang dikeluarkan oleh CIDB yang memperakui bahawa produk binaan telah mematuhi keperluan standard yang berkaitan.
- c. *Product Certification* Sijil ini dikenali sebagai *PC*, dikeluarkan oleh CERTIFICATION BODY yang diakredit oleh STANDARDS MALAYSIA yang mematuhi standard produk dalam tempoh sah laku yang ditetapkan. Sijil ini dikeluarkan atas nama pengeluar/pengilang.
- d. *Certification Body* Agensi yang telah diakredit oleh STANDARDS MALAYSIA sebagai badan pensijilan (CB) mengikut ISO/IEC 17065/2012.
- e. Makmal Makmal ujian yang memperolehi SAMM/ILAC/APLAC atau yang diluluskan oleh CIDB mengikut kriteria yang ditetapkan.
- f. *Malaysia Standards* Standard yang dibangunkan setakat mana yang mungkin atau sejajar dengan atau penggunaan piawaian antarabangsa. Kelulusan standard sebagai Standard Malaysia dikawal oleh Akta Standard Malaysia 1196 (Akta 549) dan dikaji secara berkala.
- h. Verifikasi Pemeriksaan fizikal oleh Pegawai Verifikasi ke atas produk yang dikeluarkan mengikut keperluan standard yang ditetapkan di kilang/premis berkenaan.
- i. *Desk Verifier* Pegawai CIDB yang menerima dan membuat semakan dokumen permohonan.
- j. Pegawai Verifikasi Pegawai CIDB atau orang yang diberi kuasa bagi menjalankan kerja-kerja verifikasi di premis pengeluar/pengilang.
- k. Pegawai Pengesyor Pegawai CIDB yang diberi kuasa untuk membuat pengesyoran ke atas laporan yang dikemukakan oleh Pegawai Verifikasi.

- | | | |
|----|--------------------|---|
| l. | Pegawai Pelulus | Pegawai CIDB yang diberi kuasa oleh CIDB untuk memberi kelulusan PPS. |
| m. | STANDARDS MALAYSIA | Sebuah agensi berkanun di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan dikenali sebagai Jabatan Standard Malaysia. Ia berperanan melaksanakan tugas dan fungsi dalam standardisasi dan akreditasi mengikut Akta 549. |
| n. | Tindakan terhadap | Tindakan yang dikenakan kepada pengeluar/pengilang seperti ketidakpatuhan yang diterangkan di para 11.0 |
| o. | Pemerakuan | Rujuk para 3 Perundangan |
| p. | Bahan binaan | Rujuk para 3 Perundangan |
| q. | Industri pembinaan | Rujuk para 3 Perundangan |

7. TATACARA PERMOHONAN PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD (PPS) BAGI BAHAN BINAAN TEMPATAN

Semua permohonan PPS hendaklah dibuat atas talian (online) di ccpm.cidb.gov.my oleh wakil pengeluar/pengilang. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak. Bayaran hendaklah dibuat semasa permohonan.(Rujuk para 9 Yuran)

7.1 Permohonan Baru

Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap berserta dokumen dokumen seperti berikut:-

- a. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM/ RoC/RoB), MAA, Borang 49, Borang 24, Borang 44 dan/atau bukti Pendaftaran dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang masih sah laku bagi Sabah & Sarawak.
- b. Salinan Pensijilan Produk (Product Certificate)(PC)
- c. Bukti bayaran permohonan baru atas nama Lembaga Pembangunan Industri pembinaan Malaysia.

7.2 Permohonan Pembaharuan

Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan yang lengkap berserta dokumen dokumen seperti berikut:-

- a. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM/ RoC/RoB), MAA, Borang 49, Borang 24, Borang 44 dan/atau bukti Pendaftaran dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang masih sah laku bagi Sabah & Sarawak.
- b. Salinan Pensijilan Produk (Product Certificate)(PC) yang telah diperbaharui
- c. Bukti bayaran pembaharuan atas nama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.
- d. Permohonan pembaharuan hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh tamat tempoh.

7.3 Permohonan Penambahan Produk

Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan penambahan produk yang lengkap berserta dokumen dokumen seperti berikut:-

- a. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM/ RoC/RoB), MAA, Borang 49, Borang 24, Borang 44 dan/atau bukti Pendaftaran dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang masih sah laku bagi Sabah & Sarawak.
- b. Salinan Pensijilan Produk (Product Certificate)(PC) yang baru termasuk produk tambahan
- c. Bukti bayaran penambahan produk atas nama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

Nota: Setiap permohonan penambahan produk digalakkan diselaraskan dengan permohonan pembaharuan Perakuan.

7.4 Peringkat Verifikasi

- 7.4.1 PV CIDB yang dilantik akan menetapkan tarikh dan seterusnya mengadakan lawatan ke premis pengeluar/pengilang untuk proses verifikasi bahan/produk binaan di premis bagi setiap permohonan baru. Verifikasi adalah untuk mengesahkan bahawa pematuhan standard bahan binaan bahan/produk yg dinyatakan dlm PC dikeluarkan oleh pengeluar/pengilang tersebut.
- 7.4.2 Bagi permohonan pembaharuan, lawatan verifikasi kilang tidak akan dibuat kecuali jika terdapat penambahan bahan/produk binaan baru atau terdapat keraguan yang memerlukan verifikasi dijalankan.

7.5 Peringkat Kelulusan

- 7.5.1 Laporan verifikasi akan disediakan selepas lawatan verifikasi dijalankan dan pengesyoran akan dibuat oleh PS sebelum kelulusan oleh PP.
- 7.5.2 Emel/surat pemakluman gagal akan dikeluarkan bagi sesuatu permohonan atau sebahagian produk yang tidak mematuhi kriteria yang telah ditetapkan.
- 7.5.3 PPS akan dikeluarkan kepada pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

7.6 Tempoh Sah PPS

7.6.1 Tempoh Sah Perakuan

Tempoh sah laku PPS adalah satu (1) tahun.






7.6.2 Pembaharuan Perakuan

Permohonan untuk pembaharuan sijil boleh dikemukakan bermula enam puluh (60) hari sebelum tarikh tamat sijil berkenaan dan digalakkan membuat permohonan selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh tamat sijil berkenaan.






7.7 Proses Pemohonan Secara “On-Line” (Permohonan Baru)

<u>Aliran Proses</u>	<u>Keterangan</u>
<pre> graph TD MULA([MULA]) --> MOHON_AKSES[MOHON AKSES] MOHON_AKSES --> Tunggu[Tunggu pengesahan] Tunggu --> MOHON[MOHON] </pre>	<p><u>AKSES</u> Pemohon hendaklah mendapatkan akses (<i>username</i> dan <i>password</i>) ke sistem CCPM (rujuk appendix B).</p> <p><u>PERMOHONAN (APPLICATION)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemohon memohon di ccpm.cidb.gov.my dengan memasukkan semua maklumat ke dalam sistem dan dihantar ke CIDB untuk semakan dan kelulusan. 2. Bayaran perlu dilakukan semasa permohonan.
<pre> graph TD SEMAK{SEMAK} -- Tidak lengkap --> MOHON[MOHON] SEMAK -- Lengkap --> VERIFIKASI_FIZIKAL{VERIFIKASI FIZIKAL} </pre>	<p><u>SEMAKAN DOKUMEN (DOCUMENT CHECK)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Permohonan akan disemak dan bagi permohonan yang tidak lengkap maka pemohon dikehendaki melengkapkan permohonan dalam tempoh <u>7 hari bekerja</u> tanpa dikenakan bayaran.
<pre> graph TD VERIFIKASI_FIZIKAL{VERIFIKASI FIZIKAL} -- Ditolak --> SEMAK{SEMAK} VERIFIKASI_FIZIKAL -- Disahkan --> KELULUSAN{KELULUSAN} </pre>	<p><u>VERIFIKASI FIZIKAL (PHYSICAL VERIFICATION)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 4. CIDB akan mengesahkan tarikh verifikasi yang dicadangkan oleh pengeluar/pengilang bagi membuat pemeriksaan fizikal terhadap bahan/ produk binaan di premis pengeluar/ pengilang dan mengadakan lawatan verifikasi. 5. Verifikasi akan dilaksanakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan lengkap .
<pre> graph TD KELULUSAN{KELULUSAN} -- Gagal --> SEMAK{SEMAK} KELULUSAN -- Lulus --> PPS[PPS] </pre>	<p><u>KELULUSAN (APPROVAL)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 6. Keputusan kelulusan akan dikeluarkan tidak melebihi <u>10 hari bekerja</u> dari tarikh lawatan verifikasi.
<pre> graph TD PPS[PPS] --> TAMAT([TAMAT]) </pre>	<p><u>PENGELUARAN PPS (ISSUANCE OF CoSC)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 7. Setelah diluluskan, PPS akan dikeluarkan. <p>* Nota – PPS dikeluarkan dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh verifikasi.</p>






7.8 Proses Permohonan Secara 'Manual' (Permohonan Baru)
(Hanya sekiranya sistem mengalami gangguan teknikal melebihi 8 jam)

<u>Aliran Proses</u>	<u>Keterangan</u>
	<p><u>PERMOHONAN PERMIT</u></p> <p>1. Semasa gangguan sistem, permohonan permit dilakukan secara manual. Pemohon hendaklah mengisi Borang PBT_01 yang dikehendaki oleh CIDB dan dihantar ke pejabat CIDB bersama-sama dokumen sokongan untuk semakan dan kelulusan.</p>
	<p><u>SEMAKAN DOKUMEN (DOCUMENT CHECK)</u></p> <p>2. Permohonan akan disemak dan bagi permohonan yang tidak lengkap maka pemohon dikehendaki melengkapkan permohonan dalam tempoh <u>7 hari bekerja</u> tanpa bayaran.</p>
	<p><u>VERIFIKASI FIZIKAL (PHYSICAL VERIFICATION)</u></p> <p>3. CIDB akan mengesahkan tarikh verifikasi yang dicadangkan oleh pengeluar/pengilang bagi membuat pemeriksaan fizikal terhadap bahan/ produk binaan di premis pengeluar/pengilang dan mengadakan lawatan verifikasi.</p> <p>4. Verifikasi akan dilaksanakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan lengkap .</p>
	<p><u>KELULUSAN (APPROVAL)</u></p> <p>5. Keputusan kelulusan akan dikeluarkan tidak melebihi <u>10 hari bekerja</u> dari tarikh lawatan verifikasi.</p>
	<p><u>KEMASKINI SECARA MANUAL</u></p> <p>6. Semasa sistem pulih kembali, pemohon akan memasukkan maklumat yang diluluskan secara manual ke dalam sistem untuk dihantar ke CIDB bagi proses pengeluaran PPS. (3 hari)</p>

7.9 Proses Pemohonan Secara “On-Line” (Permohonan Pembaharuan)

<u>Aliran Proses</u>	<u>Keterangan</u>
	<p><u>PERMOHONAN PEMBAHARUAN (RENEW ONLY)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemohon membuat permohonan pembaharuan melalui ccpm.cidb.gov.my (Approved Application) dengan memasukkan semua maklumat berkaitan yang terkini ke dalam sistem dan dihantar ke CIDB untuk semakan dan kelulusan. 2. Bayaran perlu dilakukan semasa permohonan.
	<p><u>SEMAKAN DOKUMEN (DOCUMENT CHECK)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Permohonan akan disemak dan bagi permohonan yang tidak lengkap maka pemohon dikehendaki melengkapkan permohonan dalam tempoh <u>7 hari bekerja</u> tanpa dikenakan bayaran.
	<p><u>VERIFIKASI FIZIKAL (PHYSICAL VERIFICATION)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 4. Verifikasi fizikal tidak dijalankan bagi permohonan pembaharuan kecuali jika terdapat penambahan bahan/produk binaan baru atau terdapat keraguan yang memerlukan verifikasi dijalankan.
	<p><u>KELULUSAN (APPROVAL)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 6. Keputusan kelulusan pembaharuan akan dikeluarkan tidak melebihi <u>3 hari bekerja</u> atau <u>10 hari bekerja</u> dari tarikh lawatan verifikasi.
	<p><u>PENGELUARAN PPS (ISSUANCE OF CoSC)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 7. Setelah diluluskan, PPS akan dikeluarkan. <p><i>* Nota – PPS dikeluarkan dalam tempoh <u>3 hari bekerja</u> atau <u>10 hari bekerja</u> dari tarikh lawatan verifikasi.</i></p>

7.10 Proses Pemohonan Secara “On-Line” (Permohonan Penambahan Produk)

<u>Aliran Proses</u>	<u>Keterangan</u>
	<p><u>PERMOHONAN PEMBAHARUAN (ADD PRODUCTS)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemohon membuat permohonan penambahan produk melalui ccpm.cidb.gov.my (Approved Application) dengan memasukkan semua maklumat berkaitan produk tambahan serta dokumen terkini ke dalam sistem dan dihantar ke CIDB untuk semakan dan kelulusan. 2. Bayaran perlu dilakukan semasa permohonan.
	<p><u>SEMAKAN DOKUMEN (DOCUMENT CHECK)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Permohonan akan disemak dan bagi permohonan yang tidak lengkap maka pemohon dikehendaki melengkapkan permohonan dalam tempoh <u>7 hari bekerja</u> tanpa dikenakan bayaran.
	<p><u>VERIFIKASI FIZIKAL (PHYSICAL VERIFICATION)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 3. CIDB akan mengesahkan tarikh verifikasi yang dicadangkan oleh pengeluar/pengilang bagi membuat pemeriksaan fizikal terhadap bahan/ produk binaan di premis pengeluar/pengilang dan mengadakan lawatan verifikasi. 4. Verifikasi akan dilaksanakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan lengkap.
	<p><u>KELULUSAN (APPROVAL)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Keputusan kelulusan akan dikeluarkan tidak melebihi <u>10 hari bekerja</u> dari tarikh lawatan verifikasi.
	<p><u>PENGELUARAN PPS (ISSUANCE OF CoSC)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 6. Setelah diluluskan, PPS akan dikeluarkan. <p><i>* Nota – PPS dikeluarkan dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh verifikasi.</i></p>

8. SYARAT-SYARAT VERIFIKASI

Pengeluar/pengilang hendaklah memastikan syarat-syarat di bawah dipatuhi dan kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut boleh menyebabkan kerja-kerja verifikasi tidak dapat dijalankan. Untuk tujuan verifikasi, pengeluar/pengilang hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

- a. Menyediakan PC asal dan dokumen-dokumen asal permohonan untuk semakan PV.
- b. Memastikan pengeluar/pengilang atau wakil sah hadir sepanjang tempoh verifikasi dijalankan.
- c. Menyampaikan taklimat keselamatan kepada PV sebelum kerja-kerja verifikasi dijalankan.
- d. Menyediakan keperluan kelengkapan keselamatan kepada PV sepanjang masa ketika menjalankan verifikasi di premis mereka.
- e. Memberi kebenaran kepada PV yang dilantik untuk memasuki premis pada bila-bila masa yang wajar pada pertimbangan CIDB.
- f. Memastikan bahan/produk mematuhi standard yang berkaitan sepanjang tempoh sah laku PPS. Sekiranya didapati berlaku ketidakpatuhan, perakuan akan ditarik balik, digantung dan dibatalkan serta-merta.
- g. Sepanjang tempoh sah laku PPS, pengeluar/pengilang adalah tertakluk kepada peruntukan perundangan lain yang berkaitan dengan bahan/produk binaan.
- h. Menyediakan kemudahan dan peralatan yang diperlukan oleh PV bagi tujuan verifikasi ke atas bahan/produk binaan.
- i. Memastikan bahan/produk binaan yang hendak diperiksa hendaklah disimpan secara teratur dan di kawasan yang selamat semasa kerja-kerja verifikasi.

8.1 Penangguhan Verifikasi

Pemakluman mengenai penangguhan verifikasi oleh pengeluar/pengilang hendaklah dimaklumkan sekurang-kurangnya dua (2) hari bekerja sebelum tarikh verifikasi yang ditetapkan sekiranya terdapat perkara-perkara luar jangka dan mendapat pertimbangan CIDB.

9. YURAN

9.1 Bayaran Perakuan Pematuhan Standard

Bayaran yang dikenakan adalah seperti berikut :

Permohonan	RM
Baru	1500
Pembaharuan dengan penambahan produk	
Pembaharuan	750
Penambahan produk (dalam tempoh sahlaku PPS)	

Bayaran boleh dibuat secara atas talian atau di mana-mana kaunter pejabat CIDB dengan membawa Slip Bayaran yang dicetak dari sistem CCPM sebagai dokumen rujukan.

9.2 Bayaran Bagi Pengeluaran Semula PPS

Bagi sebarang urusan yang melibatkan pengeluaran PPS baru seperti permohonan pertukaran maklumat, kehilangan atau kerosakan PPS yang asal, permohonan secara bertulis perlu dikemukakan bersama bayaran sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sebelum PPS baru dikeluarkan sebagai menggantikan PPS yang hilang/ rosak. Bagi urusan pengeluaran semula PPS, boleh dibuat di kaunter CIDB yang mengeluarkan sijil PPS asal sahaja. Bagi kes-kes kehilangan PPS, perlu disertakan dengan laporan polis.

10. TINDAKAN TERHADAP KETIDAKPATUHAN

CIDB boleh atas daya usahanya sendiri atau berdasarkan aduan yang telah disah tentukan oleh mana-mana pihak menggantung atau membatalkan atau menarik semula PPS mana-mana pengeluar/ pengilang yang telah melakukan apa-apa kesalahan seperti yang tersenarai di bawah :-

- a. Pemegang Perakuan telah dihukum sebagai bankrupt; atau
- b. Pemegang Perakuan gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau peraturan-peraturan pendaftaran atau pekeliling yang dikeluarkan (jika ada); atau
- c. Pemegang Perakuan telah memperoleh Perakuan dengan membuat perakuan yang pernyataan palsu secara bertulis atau sebaliknya; atau
- d. Pemegang Perakuan telah melanggar atau gagal mematuhi; atau telah membantu pelanggaran mana-mana terma, syarat-syarat atau balasan yang dikenakan oleh CIDB.

11. APPENDIX

APPENDIX A	Senarai Jadual Keempat Akta 520 (Pindaan 2011)
APPENDIX B	Carta Proses Pendaftaran Pengguna Baru Sistem CCPM Carta Proses Permohonan Perakuan Pematuhan Standard Sistem CCPM
APPENDIX C	Borang PBT_01: Borang Permohonan Secara Manual
APPENDIX D	Senarai Semak Bagi Permohonan PPS

FOURTH SCHEDULE

[Subsection 33C(1)]

STANDARDS FOR CERTIFICATION OF CONSTRUCTION MATERIAL

No.	Types of construction material	Approved standards by the Lembaga
1.	Sanitary wares	
	(a) Ceramic wash basin	<i>MS 2578</i>
	(b) Ceramic water closet pans without flushing cisterns	<i>MS 147</i> <i>MS 1522</i>
	(c) Ceramic water closet with flushing cisterns	<i>MS 147</i> <i>MS 1522</i> <i>MS 795: Part 1 to 3</i>
	(d) Ceramic bidets and urinals (floor or wall mounted)	<i>MS 147</i> <i>MS 1799</i>
	(e) Ceramic flushing cisterns equipped with mechanism (close couple, medium level, high level or concealed)	<i>MS 147</i> <i>MS 795: Part 1 to 3</i>
	(f) Ceramic flushing cisterns not equipped with mechanism (close couple, medium level, high level or concealed)	<i>MS 147</i>
	(g) Plastic flushing cisterns equipped with mechanism (close couple, medium level, high level, or concealed)	<i>MS 795: Part 1 to 3</i>
2.	Glazed and unglazed ceramic tiles	<i>MS ISO 13006</i>
3.	Ceramic pipes and pipe fittings	<i>MS 1061: Part 1 to 3</i> <i>MS 1061: Part 2:2008</i>

4.	Cement	
	(a) Portland cement	
	(i) White Portland cements of all kinds	<i>MS 888</i>
	(ii) Other Portland cements of all kinds	<i>MS EN 197: Parts 1 and 2</i>
	(b) Aluminous cement	<i>BS 915</i> <i>BS EN 14647</i>
	(c) Other hydraulic cement	<i>MS EN 197: Parts 1 and 2</i>
	(d) Masonry Cement	<i>MS EN 413: Parts 1 and 2</i>
5.	Prefabricated timber roof truss system	<i>CIS 5</i>
6.	Precast concrete piles for foundation	<i>MS 1314: Parts 1 to 7</i>
7.	Insulation materials	
	(a) Slag wool, rock wools and similar mineral Wools (including their intermixtures) in bulks, sheets or rolls	<i>MS 1020</i>
	(b) Thin sheets (voiles), webs, mats, mattresses, boards and similar non-woven products, of fibre glass	<i>MS 1020</i>
	(c) Glass fibre (including wools)	<i>MS 1020</i>
8.	Glass	
	(a) Clear float glass, non-wired or non-coloured throughout the mass, other than square or rectangular shape (including those with one, two, three or four corner cut)	<i>MS 1135</i>
	(b) Tinted float glass, coloured throughout the mass (body tinted), opacified, flashed or merely surface ground, other than optical glass	<i>MS 1135</i>
	(c) Coated glass	<i>MS 2397</i>
	(d) Safety glass	<i>MS 1498</i>
9.	Fibre cement flat sheet not containing asbestos	<i>MS 1296</i>
10.	Radiant barrier (thermal insulation foil)	<i>MS 1295</i>

11. Iron and steel products

- (a) Hot rolled carbon steel coils, sheets or plates
 - (i) Hot rolled steel coils, sheets or plates
MS EN 10025: Part 2
MS EN 1705
MS EN 1768
 - (ii) Hot rolled chequered coils, sheets or plates
ASTM A786
MS EN 10025: Part 2
- (b) Coated steel coils of sheets
 - (i) Coils or sheets electrolytically plated or coated with zinc
MS 2543
 - (ii) Zinc-coated carbon steel profiles hot Dipped.
Otherwise, plated or coated with zinc.
*Only in sheets
**MS 2500*
(Profile)

Coil/sheet zinc-coated carbon steel hot dipped.
Otherwise, plated or coated with zinc.
*Only in sheets
MS 2384
MS 2385
 - (iii) Profile aluminium-zinc alloy coated continuous hot-dip.
Plated or coated with aluminium-zinc alloy.
*Only in sheets
**MS 2500*
(Profile)
 - (iv) Painted, varnished or coated with plastic
MS 2383
JIS G 3318
 - (v) Plated or coated roofing tile
MS 2500
(Steps)
- (c) Pipes and tubes
 - (i) Seamless carbon steel pipes
API 5L
MS ISO 3183
API 5CT
 - (ii) Welded carbon steel pipes
Circular cross-section, non-circular cross-section square or rectangular cross-section. Others of non-circular cross-section
MS 61386: Part 21
BS31
MS 863
MS1862
EN 10219: Part 1
EN 10210: Part 1
JIS G 3444
EN 39
SPAN TS21827: Part 1
SPAN TS21827: Part 2
API 5L

API 5CT
MS ISO 3183
MS 2381


- (d) Structural and other cast iron and articles
 - (i) Bridges and bridge sections *MS EN 10025: Part 2*
 - (ii) Towers and lattice masts *MS EN 10025: Part 2*
 - (iii) Scaffolding *MS 1462: Part 1 to 4*
 - (iv) Corrugated sheet pile cold form *MS 2025: Part 1*
MS 2025: Part 2
 - (v) Bearing piles – angle shape and section *MS EN 10025: Part 2*
 - (vi) Guardrails *AASHTO M-180*
BS EN ISO-1461
 - (vii) Fabricated structure *MS EN 10025: Part 2*
 - (viii) Railway track *JIS E 1101*
DIN 536
BS EN 13674
 - (ix) Light gauge steel section *MS EN 10025: Part 2*
 - (x) Equal angles, shape and section U, I,
L, T or H *MS EN 10025: Part 2*
- (e) Wire rod, bars and wires
 - (i) Coil form
 - (A) Hot rolled steel reinforcement bar *MS 146*
 - (B) Steel wire rod *MS ISO 16120: Part 1*
MS ISO 16120: Part 2
MS ISO 16120: Part 3
MS ISO 16120: Part 4
 - (C) Round bar in coil *MS 144*
 - (D) Wire, strands and ropes *MS 1138: Part 2*
MS 1138: Part 3
MS 1138: Part 4
MS ISO 4344
MS ISO 2408
 - (ii) Wire mesh for construction *MS 145*
 - (iii) Coil form
 - (A) Carbon steel for structural *MS 144*

(B) Carbon steel for structural Machine use (flat bar)	<i>MS EN 10025: Part 2</i>
(C) Hot rolled steel reinforcement bar	<i>MS 146</i>
(D) Round bar	<i>MS 144</i>
(f) Stainless steel products	
(i) Seamless, welded stainless steel pipes for construction purpose	<i>MS 1841</i> <i>ASTM A554</i>
(ii) Seamless, welded stainless steel pipes for the conveyance of water	<i>MS 1988</i> <i>BS EN 10312</i> <i>ASTM A 312</i>
(iii) Light gauge stainless steel tube for ordinary piping	<i>JIS G 3448</i>
(iv) Stainless steel-angled, shape and cross-section	<i>MS 2240: Part 2</i>
(v) Casing and tubing of a kind used in drilling for oil and gas	<i>API 5CT</i>
(g) Alloy steel product	
(i) Hot rolled alloy steel plate and coil	<i>MS EN 10025: Part 6</i>
(ii) Equal angles, shape and section U, I, L, T or H	<i>MS EN 10025: Part 5</i> <i>MS EN 10025: Part 6</i>
(h) Cast iron product	
(i) Non-malleable cast iron-manhole covers	<i>BS EN 124</i>
(ii) Tube, pipe and hollow profile	<i>MS 1919</i> <i>BS EN 598</i> <i>ISO 6594</i>
12. Aluminium	
(a) Aluminium plates, sheets and strip of a thickness exceeding 0.2 mm, whether or not alloyed	<i>MS 2040</i>
(b) Aluminium foils of a thickness not exceeding 0.2 mm, not backed: rolled but not further	<i>MS 1848</i>
(c) Aluminium plates, sheets and strips	<i>MS 2040</i>
(d) Aluminium structures	<i>MS 832</i> <i>MS 1017</i>
(e) Aluminium composite panel for exterior and Interior wall	<i>MS 2571</i>


- | | | |
|-----|--|--|
| (f) | Aluminium and aluminium alloy – coil coated
Sheet and strips for general applications | <i>MS EN 1396</i> |
| (g) | Aluminium and aluminium alloy for extruded
shape | <i>MS 2289</i> |
| 13. | Ready mix concrete | <i>MS 523: Parts 1 to 3
CIS 21</i> |

**Note: The latest edition of the standard specifications published by the relevant accreditation body shall apply.*

Carta Aliran Proses Pendaftaran Pengguna Baru Sistem CCPM



Carta Aliran Proses Permohonan Perakuan Pematuhan Standard (PPS) Sistem CCPM





BORANG PERMOHONAN

PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD BAHAN BINAAN TEMPATAN

UNTUK BAHAN BINAAN TEMPATAN SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM JADUAL KEEMPAT (4)
AKTA CIDB 520 PINDAAN 2011

BORANG PERMOHONAN
PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD (PPS)
MAKLUMAT SYARIKAT

1. Nama Syarikat	<input type="text"/>		
3. Alamat	<input type="text"/>		2. No. SSM <input type="text"/>
	<input type="text"/>		4. No. Tel <input type="text"/>
	<input type="text"/>		5. No. Fax <input type="text"/>
6. Pegawai dihubungi	<input type="text"/>	8. No. H/P <input type="text"/>	
7. Jawatan			9. Emel <input type="text"/>

MAKLUMAT KILANG

1. Nama Kilang	<input type="text"/>	2. No. Tel	<input type="text"/>
3. Alamat	<input type="text"/>		4. No. Fax <input type="text"/>
5. Pegawai dihubungi	<input type="text"/>		<input type="text"/>
6. Jawatan	<input type="text"/>	7. No. H/P <input type="text"/>	8. Emel <input type="text"/>

MAKLUMAT PRODUK

Kategori Produk	Nama Produk/Jenis	Model	Standard	Size/Diameter	Anggaran Kuantiti Setahun	*No Persijilan Produk Dari CB

* Nota : Sila sertakan dokumen sokongan

MAKLUMAT CADANGAN VERIFIKASI

1. Tarikh Verifikasi 3. Masa Verifikasi Pagi/
 Ptg

2. Tempat Verifikasi 4. Cawangan CIDB

Saya dengan ini sesungguhnya mengesahkan bahawa maklumat yang diberikan adalah benar dan lengkap:

Tandatangan Pemohon / Wakil

Nama : _____

Jawatan : _____

Cop Rasmi Syarikat I/C : _____ Tarikh : _____

UNTUK KEGUNAAN CIDB

Diterima oleh: (Tarikh _____)	Catatan: 	Diluluskan oleh: (Tarikh: _____)
--	--	---

Tandakan di dalam jika dokumen dikepilkan.

DOKUMEN SOKONGAN BERIKUT PERLU DIKEMUKAKAN BERSAMA BORANG

- 1. Sijil Persijilan Produk yang dikeluarkan dan di sahkan oleh badan pensijilan yang diluluskan oleh CIDB.
- 2. Salinan resit pembayaran yuran permohonan untuk Pendaftaran Pengeluar Bahan Binaan Tempatan.
- 3. Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang diakui sah.
- 4. Lain-lain dokumen yang berkaitan (Nyatakan)

Semua permohonan dan pertanyaan hendaklah dikemukakan kepada pejabat CIDB berikut:

IBU PEJABAT CIDB
 Bahagian Bahan Binaan
 Tingkat 35, Menara Dato' Onn
 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
 No. 45 Jalan
 Tun Ismail
 50480
 Kuala Lumpur
 Lumpur Tel :
 03-4047
 7000
 Faks : 03-4047 7420
 Emel : qpass@cidb.gov.my

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PPS

Dokumen diperlukan	Baru	Pembaharuan	Penambahan produk
Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat SSM <ul style="list-style-type: none"> • MAA • Borang 9 • Borang 49 • Borang 24 • Borang 44 • Pendaftaran dengan Pihak Berkuasa Tempatan (Sabah & Sarawak) 	√	√	√
<i>Product Certificate (PC)</i> dari Badan Persijilan	√	√	√
Full Type Test Report (FTTR)	N/A	N/A	N/A
ISO 9001	*	*	*
<i>Green Labelling / Other Best Practice Certificates</i>	*	*	*

Nota:

* jika ada Sijil berkenaan